



**ALBUM:** Juppri (duduk, tengah) bersama Valentina (duduk, kiri) dan Petty (duduk, kanan) serta pelajar program PAKK UMS.

## UMS dekati kanak-kanak berkeperluan khas, beri pengalaman berharga

**UB 07.06.2024 P.03**

**KOTA KINABALU:** Program Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program 'The Shining Stars; di Pertubuhan Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Tanjung Aru, di sini baru-baru ini.

Ketua Program PAKK UMS, Dr. Juppri Bacotang, berkata program itu bertujuan menjalankan aktiviti intervensi terhadap kanak-kanak berkeperluan khas, dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang hak kanak-kanak berkeperluan khas.

Katanya, ia juga memberi peluang kepada pelajar UMS untuk memupuk sikap

kepemimpinan, pengurusan masa dan gerak kerja, dan seterusnya saling bekerjasama dalam menjayakannya.

Program ini melibatkan 30 pelajar PAKK (Semester 6) sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana program, diketuai oleh Sunita George dan Sunriani Abd Jutup, ibu bapa, petugas PDK dan 30 kanak-kanak berkeperluan khas dari PDK Tanjung Aru.

Pada program itu, sesi ceramah tentang Hak Kanak-kanak Berkeperluan Khas disampaikan oleh Ketua Pusat Pembelajaran Persatuan Sindrom Down Kota Kinabalu, Petty Paul Lisa.

Hadir sama Penyelia PDK Tanjung Aru, Valentina Sho.